



**TEKS UCAPAN  
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN BAGI MENGELOUARKAN MINYAK  
PELINCIR JENAMA “RFLUBE” DAN PENYERAHAN LORI KEPADA RISDA  
FLEET SDN. BHD**

**OLEH  
YBHG DATO’ WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD  
KETUA PENGARAH RISDA**

**PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN PARALIMPIK MAJLIS SUKAN NEGARA  
KUALA LUMPUR**

**19 SEPTEMBER 2019 ( KHAMIS )  
11.00 PAGI**

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Hj. Bahruddin bin Awang

Wakil Pengurus Lembaga Pengarah RISDA FLEET Sdn. Bhd.

YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin

Group Managing Director Hyrax Oil Sdn. Bhd.,

merangkap Pengurus Perbadanan Usahawan Negara Berhad  
(PUNB)

YBhg. Dato' Zamri bin Yaakob

Pengerusi NARSCO Berhad

merangkap Ahli Lembaga Pengarah RISDA FLEET Sdn. Bhd.

Ybhg. Tn. Hj. Sopian bin Abu Bakar

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA HOLDINGS Sdn. Bhd.

YBhg. Dato'-Dato'/Tuan-Tuan Ahli Lembaga Pengarah RISDA FLEET.

Yang Berusaha Tn.Hj. Nor Aziz Bin Karim  
Ketua Pegawai Eksekutif RISDA FLEET.

Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Pengawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA.

CEO & Ketua-ketua Jabatan Syarikat-Syarikat GLC, Vendor-Vendor RISDA FLEET, Para Dif Jemputan/Tuan/Puan dan seluruh Warga Kerja RISDA FLEET.

Rakan-rakan Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato'/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh/ Salam Sejahtera.**

1. Saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Pengurusan RISDA FLEET kerana sudi menjemput saya hadir bersama-sama tuan/puan untuk menyampaikan ucapan serta menyaksikan **MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGELUARAN MINYAK PELINCIR JENAMA “RFLUBE” &**

**MAJLIS PENYERAHAN LORI KEPADA RISDA FLEET SDN  
BHD pada pagi ini.**

2. Terima kasih juga kepada YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin – Group Managing Director Hyrax Oil Sdn. Bhd., yang juga Penggerusi PUNB (Perbadanan Usahawan Negara Berhad), dan semua tetamu yang dapat memenuhi jemputan pada pagi ini.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato'/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.**

3. Kolabragi di antara Hyrex Oil Sdn. Bhd., iaitu Pengilang minyak pelincir Bumiputera bertaraf antarabangsa yang telah berpengalaman lebih 27 tahun dalam bidang industri minyak pelincir adalah pilihan yang tepat sebagai rakan niaga RISDA FLEET.

4. RISDA berhasrat melalui kerjasama ini RISDA dapat mempromosikan pengeluaran minyak pelincir jenama RFLUBE

dan seterusnya melahir dan membimbing usahawan dalam pelbagai bidang yang berasaskan kepada aktiviti perniagaan teras RISDA FLEET.

5. Pengeluaran minyak pelincir yang diusahakan ini sangat relevan bagi RISDA FLEET sebagai syarikat Pengangkutan kerana minyak pelincir yang dikeluarkan dapat digunakan untuk kegunaan lori-lori syarikat sendiri bagi tujuan penyelengaraan

kenderaan. Dengan ini akan menjimatkan kos penyelenggaran kenderaan milik RISDA FLEET.

6. Selain itu, minyak pelincir ini boleh dikomersilkan dipasaran tempatan dimana RFSB telah mempunyai “*Niche Market*” tersendiri seperti RISDA/SMR/KPK dan Vendor-vendor pengangkutan yang bernaung dibawah RFSB. Produk minyak pelincir ini akan menjadi sumber pendapatan tambahan kepada Syarikat.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato'/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.**

7. Misi RISDA iaitu membentuk Masyarakat Pekebun Kecil Yang Progresif & Sejahtera Melalui Aktiviti Perladangan dan Keusahawanan akan cepat terlaksana dengan adanya sokongan dan kerjasama daripada Syarikat Milikan RISDA dalam membimbing serta melahirkan lebih ramai usahawan pekebun kecil bumiputera seperti yang dilaksanakan oleh RISDA FLEET.

8. Sejak tahun 2016, RISDA FLEET telah berjaya melahirkan seramai 15 orang usahawan bumiputera dikalangan generasi pekebun kecil dan Koperasi Pekebun Kecil (KPK) dalam bidang pengangkutan dengan menggunakan dana geran permulaan perniagaan daripada RISDA sebanyak RM20,000 yang dibiayai dibawah program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), bagi tujuan pembelian lori dan selebihnya daripada Pinjaman ansuran bank.

9. RISDA juga telah membuka peluang lebih luas kepada usahawan bumiputra pekebun kecil yang ingin menceburkan diri dalam pelbagai bidang perniagaan termasuklah usahawan bengkel baikpulih kenderaan, menjadi pengedar minyak pelincir dan tayar kenderaan.
10. Pada hari ini juga kita bakal menyaksikan penyerahan lima (5) buah lori baru kepada RISDA FLEET yang bukan sahaja sebagai tambahan aset tetapi lebih signifikan bertujuan untuk

meningkatkan kecekapan Sistem Penyampaian RISDA kepada kumpulan sasar iaitu pekebun kecil.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato'/Tuan/Puan yang dihormati sekalian.**

11. Mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Pengurusan serta Ahli Lembaga Pengarah RISDA FLEET yang telah bekerja keras untuk

menjayakan projek pengeluaran RFLUBE dan berjaya mencipta “branding” yang diimpikan.

**12. Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz “Bissmillahirahmannirrahim, dengan izin Allah, saya dengan sukacitanya merasmikan MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PENGELUARAN MINYAK PELINCIR JENAMA “RFLUBE” & MAJLIS PENYERAHAN LORI KEPADA RISDA FLEET SDN BHD.,dengan rasminya”.**

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.